

Siren banjir terkini bantu penduduk lebih peka

KUANTAN – Penggunaan sistem siren amaran banjir yang lebih terkini dan diperbaharui sehingga ke paras lima meter tinggi dijangka dapat membantu penduduk untuk lebih peka dengan kenaikan air sekali gus bersedia untuk bertindak lebih awal.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuantan, Sumiliana Sulung berkata, penggunaan sistem siren baharu yang diperkenalkan ini adalah pertama digunakan di Pahang.

“Menjadi tanggungjawab kami untuk memantau keadaan air sungai terutama ketika musim hujan dan kali ini, sebagai salah satu inisiatif baharu dengan peruntukan yang ada kami menaik taraf siren amaran banjir berharga kira-kira RM80,000 dan ditempatkan di Kampung Tiram, di sini.

“Kali ini siren amaran banjir yang digunakan merupakan kombinasi lengkap sensor paras air ultrasonik bersama siren yang mana sistem siren yang berbunyi lebih keras turut didatangkan dengan penghantaran pesanan ringkas yang lengkap dengan paras air sungai terus kepada JPS.

“Dengan sistem baharu ini,



Sumiliana (dua, kiri) memberi penerangan dan memperkenalkan sistem siren amaran banjir baharu yang akan digunakan pakai JPS pada musim banjir tahun ini.

siren amaran yang pertama sudah mula kedengaran ketika paras air mencecah serendah dua meter dan akan berbunyi setiap kenaikan sehingga lima meter iaitu pada paras yang bahaya. Malah akan memberi amaran sehingga 10 kali setiap kali air mula naik,” katanya selepas program taklimat persediaan dan amaran banjir di Kampung Tiram, semalam.

Dalam pada itu menurutnya, penggunaan sistem siren baharu tersebut akan diperluaskan ke beberapa lokasi banjir yang lain secara berperingkat mengikut keperluan.

“Penempatan sistem siren amaran banjir yang lebih terkini ini diletakkan di Kampung Tiram berikutan kedudukan kawasan ini yang lebih sesuai berbanding lokasi lain di mana jangkaan limbanan air sungai dari Sungai Lembing akan tiba di situ lebih kurang 12 jam,” katanya.

Sementara itu, menurutnya, penggunaan sistem siren amaran banjir yang baharu dapat membantu komuniti mendapat maklumat lebih cepat dan lengkap, serta mengelak daripada info viral yang tidak tepat.